

Jalan Kg. Batu Tiga semakin rosak, hakisan tebingancam jalan

12 tahun tanpa pembelaan

Oleh **SITI AISHAH YUSOFF**
kota@utusan.com.my

SEMENYIH 7 Dis. - Isu jalan rosak boleh dianggap sebagai perkara biasa tetapi bagi penduduk Kampung Batu Tiga, Jalan Bangi di sini, masalah itu sudah berlarutan lebih 12 tahun tanpa sebarang tindakan daripada pihak berkuasa.

Kini penduduk berdepan pula dengan masalah baru iaitu beberapa kawasan di tebing Sungai Semenyih yang melalui kampung itu mula terhakis dan runtuh.



OTHMAN MOHD. NOR

Lebih membimbangkan penduduk ialah di sebahagian daripada kawasan yang terjejas itu semakin hampir dengan bahu jalan dan jika tiada tindakan segera diambil, ada kemungkinan jalan akan turut runtuh.

Menurut penduduk, banyak aduan telah dibuat kepada beberapa agensi kerajaan yang berkaitan tetapi masalah-masalah itu tidak ditangani secara menyeluruh, sebaliknya di kawasan tertentu sahaja.

Tinjauan mendapati, keluhan penduduk itu memang berasas kerana boleh dikatakan hanya separuh sahaja jalan-jalan di kampung tersebut masih elok.

Selebihnya berada dalam keadaan rosak dan berlubang serta tidak diturap sekali gus memaksa penduduk supaya lebih berhati-hati ketika melalui jalan itu.

Kata mereka, kesengsaraan menggunakan jalan yang rosak itu semakin terasa pada musim hujan kerana lo-



SEORANG penduduk, Hasim Hussin menunjukkan antara kawasan hakisan yang berlaku di sepanjang Sungai Semenyih yang melalui Kampung Batu Tiga, Jalan Bangi Lama di Semenyih, baru-baru ini. - UTUSAN/BARIQ RAMADHAN

pak-lopak dan lubang-lubang di sepanjang jalan itu dipenuhi air.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP), Othman Mohd.

Nor berkata, walaupun beberapa tebing sungai yang terhakis itu telah dibaiki tetapi masih banyak bahagian yang perlukan perhatian lanjut.

Mengenai jalan pula, beliau ber-

kata, penduduk dimaklumkan bahawa pihak berkuasa tiada peruntukan untuk membaiki jalan rosak itu walaupun banyak aduan telah dibuat.

"Diharap pihak yang bertang-

gungjawab dapat melihat perkara itu dengan serius dan membaiki jalan-jalan tersebut dalam masa terdekat demi keselamatan dan penyelesaian penduduk," katanya.